
Kajian Kecenderungan Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Kuching Sarawak Untuk Menceburi Bidang Teknopreneur Dengan Menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang

Ahmad Syahmi bin Juwaini¹, Mohd Subri Bin Saud², Muhammad Zahid Bin Mainur³

^{1,2} *Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kuching Sarawak, Kuching, Sarawak*
E-mail: syahmi@poliku.edu.my, msubri@poliku.edu.my

³ *Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Kuching Sarawak, Kuching, Sarawak*
E-mail: mzahidmainur@poliku.edu.my

Abstrak

Tingkhilaku kawalan tertanggap merujuk kepada keupayaan individu melakukan sesuatu perkara dan salah satunya ialah dalam bidang keusahawanan. Hubungan keupayaan tersebut adalah berkait dan memberi kesan kepada minat dan kecenderungan keusahawanan di kalangan mahasiswa. Misi Politeknik adalah untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan. Sehubungan dengan masalah pengangguran, kajian ini mengkaji kecenderungan pelajar Politeknik Kuching Sarawak untuk menceburi bidang teknopreneur selepas tamat pengajian. Kecenderungan dan penglibatan mereka dalam bidang teknopreneur dapat membantu mencipta peluang pekerjaan di samping menyumbang kepada ekonomi negara. Kajian ini adalah melibatkan analisis deskriptif. Kajian yang bersifat deskriptif ini melibatkan hubungan antara faktor sikap dan faktor tingkhilaku kawalan tertanggap iaitu ilmu pengetahuan dan kemahiran terhadap kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang teknopreneur. Kajian ini dibuat terhadap kumpulan pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Kuching Sarawak yang terdiri daripada pelajar di semester 4 dan semester 5 pengajian. Data yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan Statistical Packages For Sosial Science (SPSS) versi 29.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sikap iaitu pengambilan risiko berada pada tahap tinggi (min = 3.67), sp = 0.912. Faktor ilmu pengetahuan dan kemahiran juga berada pada tahap tinggi (min = 3.77), sp = 0.732 manakala faktor kecenderungan menceburi bidang teknopreneur berada pada tahap sederhana iaitu (min = 3.30) dan sp = 0.522. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan minat dan kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang teknopreneur selepas tamat pengajian berada pada tahap sederhana tinggi. Sebagai maklum balas kepada kajian yang dijalankan, pengkaji mengesyorkan agar dapat diwujudkan pusat teknopreneur di institusi terlibat dalam membentuk identiti pelajar sebagai seorang teknopreneur.

Kata Kunci: *Teknopreneur, Risiko, Keusahawanan*
